



# Perkhidmatan perlindungan kanak-kanak dan sokongan keluarga

Disampaikan oleh Jabatan Komuniti di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

## Perkhidmatan

Jabatan Komuniti – Perlindungan Kanak-kanak Dan Sokongan Keluarga, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan perkhidmatan yang berikut di Wilayah Lautan Hindi:

- menyampaikan perkhidmatan yang menyokong dan menggalakkan orang muda dan seisi keluarga agar mencapai potensi mereka sepenuhnya dan mempromosikan keselamatan dalam komuniti.
- menyediakan khidmat pengurusan kes untuk kanak-kanak dan orang muda yang berada dalam jagaan Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan Komuniti
- menyiasat kekhuatiran mengenai keselamatan dan kesejahteraan yang berkait dengan kanak-kanak dan orang muda, selaras dengan *Akta Perkhidmatan Kanak-kanak Dan Komuniti 2004 (WA)* yang berkuat kuasa
- memelihara pertalian dan berkongsi maklumat dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang lain, jika berkenaan
- memberikan gerak balas antara agensi dan komuniti secara berusaha sama kepada kanak-kanak dan orang muda yang dianggap berisiko
- mengenal pasti dan berusaha seiring dengan kumpulan sasaran atau komuniti tumpuan untuk menambahkan kemampuan mereka menghasilkan penyelesaian jangka panjang bagi masalah-masalah perlindungan kanak-kanak dan keselamatan komuniti.

## Apakah ertinya bagi saya?

Jabatan Komuniti:

- melindungi dan menjaga kanak-kanak dan orang muda di Wilayah Lautan Hindi yang kesusahan dan menyokong keluarga dan orang yang berisiko atau yang menghadapi krisis.
- menyediakan dan membiayai pelbagai perkhidmatan keselamatan kanak-kanak dan sokongan keluarga di seluruh Wilayah Lautan Hindi, antara lainnya penyiasatan dan latihan pelaporan mandatori, Working With Children Check (penyaringan orang yang bekerja dengan kanak-kanak), perkhidmatan memelihara dan mengambil anak angkat, program kaunseling dan bantuan, penginapan dalam keadaan krisis, perkhidmatan untuk orang yang tiada tempat berteduh dan sokongan perkhidmatan kecemasan.

## Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

| Saluran                                                  | Butir-butir perhubungan                                                                                                                                                                                                                 |
|----------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Telefon                                                  | 1800 176 888                                                                                                                                                                                                                            |
| Pegawai Kanan Perlindungan Kanak-kanak – Pulau Christmas | 08 9164 8332    Telefon bimbit: 0437 154 860                                                                                                                                                                                            |
| Kekhuatiran mengenai kesejahteraan kanak-kanak           | 1800 273 889                                                                                                                                                                                                                            |
| E-mel                                                    | <a href="mailto:enquiries@communities.wa.gov.au">enquiries@communities.wa.gov.au</a>                                                                                                                                                    |
| Laman web                                                | <a href="http://www.wa.gov.au/organisation/departments-of-communities">www.wa.gov.au/organisation/departments-of-communities</a><br><a href="http://www.dcp.wa.gov.au">www.dcp.wa.gov.au</a>                                            |
| Working With Children Check                              | Nombor telefon: 1800 883 979<br>E-mel: <a href="mailto:checkquery@communities.wa.gov.au">checkquery@communities.wa.gov.au</a><br>Laman web: <a href="https://workingwithchildren.wa.gov.au/">https://workingwithchildren.wa.gov.au/</a> |